**PEPERIKSAAN : SPM 2008**

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Pendidikan Islam 2 (1233/2) mengandungi lima soalan yang wajib dijawab oleh semua calon. Calon diberi masa 1 jam 40 minit untuk menjawab semua soalan tersebut.

**PRESTASI KESELURUHAN.**

Pada keseluruhannya, tahap pencapaian calon pada tahun ini adalah baik. Sebahagian daripada calon berjaya mempersembahkan isi jawapan yang lengkap, mantap dengan huraian dan olahan yang baik. Namun begitu, sebahagian besar calon berada pada tahap sederhana iaitu mereka hanya dapat menjawab sebahagian soalan dengan baik tetapi sebahagiannya lagi memberi keterangan yang kabur dan kurang jelas serta tidak menepati kehendak dan tugasan soalan. Faktor utama kegagalan kumpulan terendah ialah ketidakupayaan calon menguasai 3M yang menyebabkan mereka tidak memahami kehendak soalan. Ini dapat dibuktikan kerana terdapat calon yang hanya menyalin soalan bahkan juga terdapat segelintir yang lain hanya menulis nombor soalan sahaja.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON:**

**Kumpulan Tinggi:**

Calon kumpulan ini dapat menjawab setiap ceraian soalan dengan tepat, padat, jelas dan kemas menepati kehendak soalan. Calon juga mengemukakan alternatif jawapan yang melebihi tugasan yang diminta dengan teknik yang baik dan mengikut arahan soalan. Calon telah mengemukakan isi jawapan dengan huraian yang menarik dan tersusun. Calon juga dapat menguasai kemahiran tulisan jawi dengan baik . Calon juga berjaya menguasai kemahiran ayat hafazan dengan betul dan tepat. Tulisan calon kemas dan mudah dibaca dan calon-calon dapat menguasai pelbagai aras soalan termasuk aras kefahaman dan aplikasi tinggi.

**Kumpulan Sederhana :**

Calon kumpulan ini umumnya dapat menjawab sebahagian ceraian soalan dengan baik . Calon ini juga berjaya menguasai teknik menjawab dengan mantap . Terdapat sebahagian soalan yang gagal dikuasai oleh mereka khususnya bahagian ayat kefahaman, hukum tajwid dan soalan kemahiran jawi. Namun begitu terdapat juga sebahagian calon tercicir dalam menjawab soalan kerana mereka kurang teliti. Terdapat juga calon yang mempersembahkan isi jawapan yang berulang sehingga memerlukan tafsiran pemeriksa yang lebih mendalam. Pada keseluruhannya calon dalam kumpulan ini berjaya menguasai dan memahami tajuk yang diuji tetapi kerana kurang teliti semasa menjawab, ini memberi kesan kepada jawapan calon keseluruhannya.

**Kumpulan Lemah :**

Keseluruhan calon kumpulan ini tidak dapat menjawab soalan dengan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh soalan. Ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran (pengetahuan dan kemahiran) dengan baik " termasuklah maksud @ pengertian , istilah , definisi dan faktor-faktor asas. Calon juga gagal menghafaz ayat hafazan yang mengakibatkan mereka tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Calon juga tidak menguasai kemahiran tajwid dan kemahiran jawi yang menyebabkan mereka keliru semasa menjawab komponen tersebut. Sebahagian calon dalam kumpulan ini pula hanya menyalin soalan tanpa mengemukakan jawapan.

## PRESTASI TERPERINCI

**SOALAN 1**

**Soalan 1(a) ( i )**

1 (*a*) **Firman Allah SWT:**

أَلَمْ يَرَوْا۟ كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّن قَرْنٍ مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ
مَا لَمْ نُمَكِّن لَّكُمْ وَأَرْسَلْنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيْهِم مِّدْرَارًا وَجَعَلْنَا
ٱلْأَنْهَٰرَ تَجْرِى مِن تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَنشَأْنَا مِنۢ
بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ﴿٦﴾

(سورة الأنعام: 6)

**Ayat di atas menerangkan bahawa manusia hendaklah mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Sekiranya manusia mengingkari nikmat tersebut, maka Allah SWT akan menurunkan bala atas keingkaran mereka.**




**Gambar 1**
**Contoh sebahagian daripada nikmat Allah SWT**

(i) **Selain gambar di atas, senaraikan dua contoh nikmat Allah SWT ke atas hamba-Nya.** [2 *markah*]

## Contoh jawapan yang baik.

**Contoh 1:**


a) i) Contoh nikmat Allah keatas hamba-Nya
- Nikmat kemakmuran
- Nikmat keamanan
- Nikmat iman
- Nikmat kesempurnaan haikal
- Nikmat islam

(2m)

**Contoh 2:**


a i) Dua contoh nikmat Allah S.W.T ke atas hambaNya ialah:
i - Iman
ii - Islam
iii - Kesihatan tubuh badan
iv - Keamanan
vi - Kemakmuran

Calon berupaya mengemukakan isi jawapan berkaitan contoh nikmat Allah ke atas hamba-Nya dengan jelas dan menepati kehendak soalan. Calon memulakan jawapannya dengan intro yang baik. Walaupun soalan ini merupakan respons terhad di mana ianya diikat dengan gambar tetapi calon masih dapat mengemukakan isi jawapan melebihi daripada tugasan soalan yang diminta serta disusun dengan kemas, rapi dan mudah dibaca. Persembahan jawapan ini menggambarkan calon menguasai isi pelajaran dengan pelbagai istilah yang berbeza dan tugasan soalan serta teknik menjawab dengan mantap .

## Contoh Jawapan Yang Sederhana

**Contoh 1:**


(i) Penglihatan
(ii) Pendengaran

**Contoh 2:**


1 (a) i-Selain gambar di atas, senaraikan dua contoh nikmat Allah SWT ke a

- Kesyukuran

- Keselesaan

Calon mempersembahkan jawapan dengan sederhana baik. Namun begitu susunan dan pilihan jawapan yang diberikan agak kesamaran yang memerlukan tafsiran pemeriksa dan sebahagian yang lain pula merupakan fakta yang berulang . Tugasan contoh dan ciri serta rukun masih tidak dapat dibezakan dengan baik. Sebahagian calon yang lain pula mengemukakan persembahan jawapan yang terlalu ringkas sehingga menyukarkan untuk dikaitkan dengan tugasan soalan yang diminta. Terdapat juga calon daripada kumpulan ini memberi isi jawapan yang terhad. Persembahan sebegini menunjukkan calon masih lagi keliru dengan konsep contoh dan ciri dalam soalan.

***<u>Contoh Jawapan Yang Lemah.</u>***

***Contoh 1:***


(a) Nyawa kita

(b) Kasih sayang ibu bapa – Kewarisan/ Abstrak.

***Contoh 2***


Kegunaan pemeriksa

No. soalan: Soalan 1

(a) i> 2D Buang Air Berhadas kecil

2D Berkahwin

Umumnya calon dalam kumpulan ini mengemukakan isi jawapan yang menyeleweng dan tersasar daripada tugasan soalan. Soalan meminta calon menjelaskan contoh sebaliknya calon mengemukakan rukun atau keperluan dalam sesebuah kehidupan. Mereka cuba untuk menjawab tetapi jawapannya langsung tidak menepati kehendak soalan . Umumnya calon-calon dalam kategori ini tidak memahami kehendak soalan dan juga keliru dengan istilah-istilah penting. Persembahan ini menunjukkan mereka tidak menguasai isi pelajaran.

**Soalan 1(a) (ii)**

| | |
|---|---|
| **(ii)** | **Nyatakan dua cara untuk memelihara nikmat alam sekitar seperti dalam rajah di atas.** **[2 *markah*]** |

***Contoh Jawapan Yang Baik.***

**Contoh 1 :**


ii) cara untuk memelihara nikmat alam sekitar
- tidak melakukan pencemaran
- memelihara pokok-pokok
- jangan membuang sampah merata-rata
- menjaga keindahan yang diberikan dengan sebaiknya
- memelihara sungai

(2m)

**Contoh 2 :**


(ii) 2 cara memelihara nikmat alam sekitar
- tidak melakukan pencemaran alam sekitar.
- menggunakan sumber alam dengan sebaiknya.
- menggunakan sumber alam tanpa pembaziran.
- tidak merosakkan habitat flora dan fauna dan merancang program pembangunan dengan baik.

(2m)

Calon dalam kumpulan ini mengemukakan fakta yang menepati tugasan soalan yang meminta cara memelihara nikmat .Sebahagian besar calon cemerlang memberikan fakta melebihi tugasan yang dikehendaki oleh soalan. Calon ini juga menulis isi jawapan dengan olahan yang baik dan disusun kemas. Pilihan jawapan yang dikemukakan membuktikan calon memahami istilah CARA MEMELIHARA dengan baik dan mantap. Ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran Tilawah Kefahaman surah al-An'am 6 dengan baik.

## *Contoh Jawapan Yang Sederhana*

***Contoh 1:***

| | |
|---|---|
| bertanggungjawab menjaga alam sekitar | |
| mematuhi undang-undang peraturan yang ditetapkan | [illegible]/2 |

Calon dalam kumpulan ini mengemukakan idea yang hampir menepati tugasan soalan tetapi masih menampakkan kekeliruan dalam menghurai maksud cara memelihara nikmat kerana bercampur aduk dengan tujuan memelihara. Calon ini juga menulis isi jawapan dengan olahan yang sederhana baik dan disusun kemas. Ini menunjukkan calon hampir menguasai isi pelajaran Tilawah Kefahaman surah al-An'am 6 dengan baik.

## *Contoh jawapan yang lemah*

***Contoh 1:***

| | |
|---|---|
| (ii) | 1) Nikmati Keindahan. |
| | 2) Pandangan yang indah dan semulajadi. |

Kelemahan calon: tidak menjawab soalan dengan tepat. Calon tidak faham kehendak soalan. Jawaban berbentuk kenyataan saha[illegible]

Calon dalam kumpulan ini gagal memahami kehendak dan tugasan soalan yang menyebabkan olahannya tersasar. Jawapan calon menggambarkan **kekeliruan dalam memahami konsep cara dan contoh**. Jawapan yang diberikan dalam **bentuk pernyataan** bukannya kosa kata **perbuatan** yang menjelaskan **konsep cara**. Ini menunjukkan calon tidak menguasai **isi pelajaran Tilawah Kefahaman Surah al-An'am ayat 6.**

## Soalan 1(a) (iii)

| | |
|---|---|
| (iii) | Jelaskan dua pengajaran daripada potongan ayat al-Quran di atas. [4 *markah*] |

***Contoh Jawapan yang baik.***

***Contoh 1:***




***Contoh 2:***




Respons daripada calon dalam kumpulan ini menggambarkan mereka faham dengan tugasan soalan dengan tepat. Calon jelas dengan konsep pengajaran yang merupakan perbuatan yang perlu diamalkan atau dijauhi merujuk kepada kefahaman ayat. Justeru calon tidak mempunyai masalah untuk mengemukakan jawapan yang tepat, padat dan mantap sebagaimana yang dikehendaki soalan .Mereka berjaya mengemukakan isi jawapan yang lebih dengan olahan ayat yang baik , kemas dan jelas serta mudah difahami.

***Contoh Jawapan Yang Sederhana***

***Contoh 1 :***



**_Contoh 2:_**


iii) a) Kita hendaklah mensyukuri nikmat yang dikurniakan.
b) Allah s.w.t akan menurunkan bala sekiranya manusia mengingkari nikmat tersebut. (pernyataan)
2/4

**_Contoh 3:_**


kita hendaklah mensyukuri nikmat yang diberikan
kita hendaklah memelihara nikmat yang diberikan.
2/4

Umumnya respons daripada calon dalam kumpulan ini menggambarkan mereka sedikit keliru dengan tugasan soalan (pengajaran ayat). Calon kesamaran dengan konsep pengajaran yang sepatutnya mengandungi subjek dan predikat yang menggambarkan proses pengamalan dalam kehidupan. Justeru calon mengemukakan alternatif jawapan dalam bentuk pernyataan sementara sebahagian yang lain pula membina ayat yang tidak lengkap.

**_<u>Contoh Jawapan Yang Lemah</u>_**

**Contoh 1 :**


iii) 1- Menjaga alam sekitar
2- Bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan.

Calon ini cuba menjawab tetapi menyimpang daripada kehendak soalan. Soalan meminta pengajaran ayat tetapi calon mengemukakan respon cara menjaga alam. Ini menunjukkan kekeliruan dalam memahami konsep pengajaran. Calon ini tidak menguasai isi pelajaran Tilawah Kefahaman Surah al-An'am 6.

## SOALAN 1(b)(i)

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: لاَ
تَحَاسَدُوا وَلاَ تَنَاجَشُوا وَلاَ تَبَاغَضُوا وَلاَ تَدَابَرُوا وَلاَ يَبِعْ
بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو
الْمُسْلِمِ لاَ يَظْلِمُهُ وَلاَ يَخْذُلُهُ وَلاَ يَكْذِبُهُ وَلاَ يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَهُنَا
وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ
أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ.
(رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan perbuatan negatif yang dilarang oleh Rasulullah SAW iaitu perbuatan yang membawa kepada perpecahan.

(i) Nyatakan dua perbuatan negatif yang dimaksudkan. [2 *markah*]

**Contoh Jawapan Yang Baik.**

***Contoh 1 :***

i) perbuatan negatif yang membawa kepada perpecahan.
- Hasad Dengki - mendengki
- Benci - membenci
- Berpaling muka
- menipu
- Jual beli atas jualan orang lain. (2m)

***Contoh 2 :***

(b) (i) 2 perbuatan negatif yang dimaksudkan.
- berhasad dengki
- tipu menipu
- benci - membenci
- berpaling muka

(2m)

Calon kumpulan ini jelas memahami kehendak soalan iaitu perbuatan negatif dan menguasai isi pelajaran mengenai hadis PERPADUAN TERAS KEMAJUAN dengan mantap dan menyeluruh. Justeru persembahan jawapannya mantap dan berkeyakinan kerana ditulis dengan kemas dan disusun dengan teratur serta didahului dengan pendahuluan jawapan. Sebahagian calon kumpulan ini juga mengemukakan alternatif jawapan melebihi daripada tugasan soalan yang diminta.

## Contoh Jawapan Yang Sederhana

**Contoh 1 :**



**Contoh 2 :**




Calon kumpulan ini kurang jelas dengan kehendak soalan iaitu perbuatan negatif. Justeru sebahagian jawapannya menjurus kepada sifat bukannya perbuatan. Calon juga mengemukakan alternatif jawapan yang terhad dan berulang.

## Contoh Jawapan Yang Lemah

**Contoh 1 :**




**Contoh 2 :**




Calon kumpulan ini gagal memahami kehendak soalan. Justeru jawapannya tersasar daripada tugasan yang diminta iaitu perbuatan negatif. Oleh itu, calon mengemukakan alternatif jawapan berkaitan dengan sifat-sifat negatif. Ini menunjukkan calon keliru dalam memahami konsep perbuatan dan sifat.

## SOALAN 1(b)(ii)

| | | |
|---|---|---|
| **(ii)** | **Terangkan sebab Islam melarang umatnya melakukan perbuatan negatif.** | **[2 *markah*]** |

***Contoh Jawapan Yang Baik.***

***Contoh 1:***


ii) Sebab Islam melarang umatnya melakukan perbuatan negatif.
- meruntuhkan institusi kemasyarakatan
- perpaduan tidak dapat dicapai
- berlaku pergaduhan
- timbul gejala sosial
- masyarakat berpecah-belah.
- menghilangkan sikap kepercayaan dalam masyarakat. (2m)

***Contoh 2:***


i. Perbuatan negatif yang dimaksudkan oleh hadis di atas ialah :
a) dengki - mendengki
b) benci - membenci
c) tipu - menipu

Calon mengemukakan jawapan dengan tepat dan kemas. Calon berjaya mengemukakan jawapan yang dikehendaki oleh soalan dengan memberikan alternatif jawapan yang pelbagai . Calon ini juga menguasai isi pelajaran dengan memahami konsep " sebab larangan" melakukan perbuatan negatif dengan baik berdasarkan kefahaman hadis di atas.

## Contoh Jawapan Yang Sederhana.

***Contoh 1:***


ii) - mengelakkan perpecahan di rakyat (hikmah)
- menjatuhkan maruah bagi umat islam
1/2

Calon dapat memahami kehendak soalan tetapi isi jawapan yang diberikan terlalu ringkas. Sebahagian calon kumpulan ini juga memberi huraian yang kabur yang memerlukan tafsiran pemeriksa . Situasi ini menggambarkan bahawa calon kurang menguasai isi kefahaman hadis tersebut yang menyebabkan kekeliruan mengenai konsep "sebab larang " dan " hikmat larangan " .

## Contoh Jawapan Yang Lemah.

***Contoh 1 :***


(ii) Antara sebab - sebab islam melarang umatnya melakukan perbuatan negatif ialah supaya umat islam bersatu - padu dan bebas dari persengketaan dan perbalahan.
(hikmah)
0/2

***Contoh 2 :***


3(a)(ii) : I sebab islam melarang umatnya melakukan perbuatan negatif :
i) Untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu-padu.
ii) Untuk memastikan umat islam atau masyarakat islam sentiasa maju ke hadapan.
iii) Untuk melatih umat islam supaya sentiasa berakhlak mulia sekali gus memberikan teladan yang baik kepada golongan bukan islam.
0/2

Calon ini gagal memahami kehendak soalan dan isi jawapan yang diberikan menyimpang dan tersasar. Sebahagian calon kumpulan ini juga memberi huraian yang kabur yang memerlukan tafsiran pemeriksa . Situasi ini menggambarkan bahawa calon tidak menguasai isi kefahaman hadis PERPADUAN TERAS KEMAJUAN" yang menyebabkan kekeliruan mengenai konsep "sebab dilarang " dan " hikmat larangan " .

## SOALAN 1(b)(iii)

| | |
|---|---|
| (iii) | **Jelaskan dua usaha yang boleh anda lakukan untuk mengekalkan perpaduan di kalangan rakan sebaya.** **[4 *markah*]** |

### Contoh Jawapan Yang Baik.

***Contoh 1:***

(iii) usaha yang boleh dilakukan untuk mengekalkan perpaduan di kalangan rakan sebaya.

- sering bertegur-sapa
- menjauhi sikap dengki
- saling bertukar pendapat
- menziarahi rakan yang sakit.
- mengelakkan pergaduhan
- belajar bersama-sama. (4m)

***Contoh 2:***

(iii) 2 usaha mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakan sebaya.

- melibatkan diri dalam aktiviti perkhemahan.
- menyertai kerja berkumpulan dalam kalangan rakan sebaya.
- mengadakan aktiviti gotong-royong supaya perpaduan dapat dipupuk.
- saling membantu apabila rakan memerlukan pertolongan.

(4m)

***Contoh 3 :***

(b)(iii) : 2 usaha yang boleh saya lakukan untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakan sebaya:

i) Sentiasa memberikan pertolongan sekiranya rakan memerlukan bantuan.

ii) sentiasa bertolak ansur dalam sesuatu undian.

iii) sentiasa menasihati dan saling mengingati antara satu sama lain.

iv) sentiasa mengamalkan sikap bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu urusan atau kerja.

Calon cemerlang menjawab dengan tepat dan alternatif jawapan yang pelbagai lebih daripada yang diminta oleh soalan. Calon jelas mengenai konsep usaha mengekalkan perpaduan. Situasi ini menunjukkan calon memahami kehendak soalan dengan baik. Persembahan jawapan juga kemas dengan huraian yang mantap dan tersusun . Ini membuktikan calon menguasai isi pelajaran hadis PERPADUAN TERAS KEMAJUAN secara menyeluruh.

## *Contoh Jawapan Yang Sederhana*

***Contoh 1:***


(iii) Dua usaha yang boleh dilakukan :
→ Menolong rakan yang menghadapi kesusahan
→ Tidak mengumpat rakan dari belakang
→ Sentiasa bercakap benar dan tidak berbohong.
Tulis di kedua-dua belah muka surat → Tidak mengumpat rakan.

***Contoh 2:***


iii. Usaha mengekalkan perpaduan di kalangan rakan sebaya
- saling tolong-menolong
- memberi hadiah
- menggunakan bahasa yang sopan dalam percakapan

Calon sederhana menjawab dengan hampir tepat dengan mengemukakan alternatif jawapan yang lebih daripada yang diminta oleh soalan tetapi huraiannya agak terbatas dan mengelirukan, yang memerlukan tafsiran pemeriksa . Ini menggambarkan calon masih lagi keliru dengan KONSEP USAHA yang dikehendaki oleh soalan.

## *Contoh Jawapan Yang Lemah*


• berkawan rapat
• mengambil berat

Calon ini cuba menjawab dengan olahan sendiri tetapi jawapan yang diberikan gagal menepati kehendak soalan. Jawapan calon terlalu umum dan terhad.

## SOALAN 1(c)

(c) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual yang diberikan. Anda hanya dikehendaki menulis jawapan sahaja mengikut susunan yang betul seperti dalam al-Quran.

| A | B | C | D |
|---|---|---|---|
| شَيْءٍ | تَمْسَسْهُ | يَهْدِي | ٱلْأَمْثَٰلَ |

(i) وَلَوْ لَمْ ........................ نَارٌ

(ii) نُّورٌ عَلَىٰ نُورٍ ........................ ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُ

(iii) وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ........................ لِلنَّاسِ

(iv) وَٱللَّهُ بِكُلِّ ........................ عَلِيمٌ

[4 *markah*]

---

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***




***Contoh 2:***




Calon dapat melengkapkan ayat hafazan dengan betul. Jawapan calon menepati kehendak soalan bahkan ditulis dengan cantik , kemas dan tersusun . Respons calon ini menunjukkan mereka dapat menguasai kemahiran menghafaz dan menulis ayat hafazan surah an-Nur ayat 35 dengan baik dan mantap.

## *Contoh Jawapan Yang Sederhana*

***Contoh 1:***



***Contoh 2:***



Calon sederhana tidak dapat melengkapkan potongan ayat dengan baik. Ini kerana calon tidak menghafaz ayat hafazan **Surah an-Nur: 35** dengan baik yang menyebabkan calon keliru semasa menjawab. Kegagalan calon menguasai kemahiran menghafaz menyebabkan mereka gagal menjawab dengan betul dan tepat.

## *Contoh Jawapan Yang Lemah*

***Contoh 1:***



***Contoh 2:***



Sebahagian besar calon lemah gagal menjawab soalan dengan betul. Ini adalah kerana calon tidak menguasai kemahiran menghafaz ayat hafazan Surah an-Nur : 35 . Persembahan jawapan oleh calon di atas menunjukkan calon hanya menjawab ikut gerak hati atau tekaan semata-mata.

## SOALAN 2

## SOALAN 2(a)(i)

(a) **Firman Allah SWT:**

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا۟ بِهَا خَرُّوا۟ سُجَّدًا وَسَبَّحُوا۟
بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ۩ ﴿١٥﴾ تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ
ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾

(سورة السجدة: 15-16)

**Ayat di atas menjelaskan mengenai ciri-ciri orang yang beriman.**

(i) **Apakah yang dimaksudkan tidak takbur (لَا يَسْتَكْبِرُونَ) dalam ayat di atas?** **[2 *markah*]**

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***

Apakah yang dimaksudkan dengan tidak takbur:
adalah seseorang yang tidak melakukan perbuatan takbur contohnya
seperti membanggakan diri sendiri. p4

2/2

***Contoh 2:***

(a) i. Tidak takbur dalam ayat di atas ialah tidak sombong p2
atau meninggi diri p4

2/2

Calon cemerlang dapat menghuraikan maksud tidak takbur dengan tepat dan berjaya membina olahan ayat yang mantap dan kemas mengikut kehendak soalan. Ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran berkaitan Tilawah Kefahaman surah as-Sajdah ayat 15 dan 16 dengan lengkap mencakupi maksud dan definisi.

## *Contoh Jawapan Yang Sederhana*

**Contoh 1:**


i) Maksud tidak takbur ialah
- tidak bercakap kosong dan ego serta sombong)

**Contoh 2:**


Tidak takbur bermaksud tidak tamak dan haloba serta
tidak bercakap besar

**Contoh 3:**


(i) Tidak takbur dalam ayat (2)
- Tidak harus bangga ibadah yang kita kerjakan, kerana
ibadat itu akan menjadi tidak sah.

Calon sederhana dapat menghuraikan maksud tidak takbur secara ringkas dengan olahan sendiri yang hampir menepati kehendak soalan tetapi hanya memberi jawapan yang terhad. Pada sesetengah keadaan huraiannya memerlukan tafsiran pemeriksa. Namun begitu respons yang dikemukakan menggambarkan calon menguasai isi pelajaran Tilawah Kefahaman surah as-Sajdah 15 dan 16 dengan sederhana baik.

## *Contoh Jawapan Yang Lemah*

**Contoh 1:**


(a) i. Maksud tidak takbur dalam ayat di atas ialah orang
yang mensyukuri nikmat yang diberi.

**Contoh 2:**


) Maksud tidak takbur dalam ayat tersebut ialah orang yang
beriman kepada Allah s.w.t

Calon lemah umumnya mengemukakan jawapan secara rambang kerana tidak memahami kehendak soalan dan terdapat pengulangan huraian tetapi masih tidak dapat menjelaskan konsep maksud dengan tepat. Sebahagian calon cuba membuat olahan sendiri tetapi tersasar daripada kehendak soalan sebenar. Ini membuktikan calon tidak menguasai tajuk berkenaan (Tilawah Kefahaman as-Sajdah 15-16).

## SOALAN 2(a)(ii)

(ii) Senaraikan empat ciri orang yang beriman. [4 *markah*]

### *Contoh Jawapan Yang Baik*

**Contoh 1:**


ii - Empat ciri orang yang beriman
▸ sentiasa mengingati Allah s.w.t dan rasul
▸ redha dengan ketentuan Allah s.w.t
▸ sentiasa melakukan ibadat wajib dan sunat
▸ sentiasa membaca al-quran
▸ takut dengan kekuasaan Allah s.w.t
4/4

**Contoh 2:**


ii) Empat ciri orang beriman:
- Tidak menggalkan ibadah wajib
- Sering melakukan ibadah-ibadah sunat
- Sentiasa berzikir dan memuji Allah
- Bersyukur dengan nikmat Allah
- Sering berdoa kepada Allah.
4/4

Calon cemerlang memahami kehendak soalan berkaitan ciri orang beriman berdasarkan ayat . Calon juga berjaya menghuraikan jawapan yang tepat dan menepati kehendak soalan dengan alternatif jawapan yang lebih. Jawapan ditulis dengan olahan yang baik dan disusun dengan teratur .Ini menggambarkan calon menguasai isi pelajaran as-Sajdah 15-16 , ciri-ciri orang beriman dengan mantap.

### *Contoh Jawapan Yang Sederhana*

**Contoh 1:**


ii. Empat ciri orang yang beriman.
- tidak sombong
- beriman
- berakhlak mulia
- mengeluar zakat.
- sentiasa berzikir
- sentiasa menunaikan solat.
3/4

***Contoh 2:***


ii) Empat ciri orang yang beriman ialah
- sentiasa sujud kepada Allah
- sentiasa melakukan pertara sunat.
- Sentiasa berzikir
- Tidak melengah-lengah waktu solat.

Calon sederhana dapat menjawab soalan yang diberikan tetapi kurang menepati kehendak soalan. Soalan meminta penjelasan mengenai empat konsep ciri orang beriman berdasarkan Tilawah Kefahaman as-Sajdah : 15-16 tetapi sebahagiannya tersasar daripada kehendak soalan. Ini menunjukkan calon sebenarnya memahami isi pelajaran dan kehendak soalan dengan baik tetapi kurang teliti semasa menjawab.

***<u>Contoh Jawapan Yang Lemah</u>***


ii) Empat ciri orang yang beriman.
- Soleh
- berdakwah
- warak
- baik hati
- tidak mudah berputus asa
- sentiasa bersabar

Jawapan calon daripada kumpulan ini tersasar daripada kehendak dan tugasan soalan. Jawapan yang dikemukakan langsung tidak berkaitan dengan soalan bahkan menyimpang iaitu soalan berkehendakkan ciri orang beriman sedangkan calon mengemukakan sifat-sifat mulia. Ini membuktikan calon tidak menguasai isi pelajaran Tilawah Kefahaman as-Sajdah 15-16 secara menyeluruh sekali gus menyebabkan mereka gagal memahami kehendak soalan sebenar .

**SOALAN 2(a)(iii)**

| | |
|---|---|
| (iii) | *Qiamulail* ialah bangun pada waktu malam untuk melakukan ibadat. Nyatakan **dua** jenis ibadat semasa *qiamullail*. [2 *markah*] |

***Contoh Jawapan Yang Baik***

**Contoh 1**


iii) Jenis ibadat semasa qiamullail
- solat sunat taubat
- solat sunat tahajjud
- berzikir
- solat sunat hajat
(4m)

Sebahagian besar calon dapat menjawab menepati kehendak soalan. Calon memberikan isi jawapan lebih daripada yang dikehendaki oleh soalan dengan huraian yang lengkap dan terperinci. Ini menggambarkan calon jelas dengan konsep ibadat semasa qiamullail berdasarkan ayat 16 surah as-Sajdah dengan baik. Justeru calon menguasai soalan dan tugasan yang diminta dengan mantap dan jelas .

***Contoh jawapan yang sederhana***

***Contoh 1***


iii) Jenis ibadat semasa ~~ki~~ qiamullail.
1- solat
2- berzikir.

Calon kumpulan ini cuba memberikan respons tetapi kurang menepati kehendak soalan. Calon tidak dapat membezakan antara ibadat fardu dan sunat. Justeru hanya sebahagian jawapan yang diberikan menepati kehendak soalan dan alternatif jawapan yang diberikan juga terhad.

***Contoh Jawapan Yang Lemah***

**Contoh 1 :**

iii) Jenis ibadat semata-mata diamalkan.
— Solat sunat diamalkan

Calon lemah hanya memberi satu jawapan sahaja sedangkan soalan meminta dua jawapan. Ini menunjukkan jawapan yang dikemukakan berasaskan tekaan . Calon tidak menguasai isi pelajaran as-Sajdah 15-16. Justeru calon gagal memahami kehendak soalan (jenis ibadat sunat).

**SOALAN 2(b)(i)**

(*b*) **Sabda Rasulullah SAW:**

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: إِنَّ اللهَ تَعَالَى قَالَ مَنْ
عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ
أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ
حَتَّى أُحِبَّهُ ... (رواه البخاري)

**Maksudnya: Daripada Abu Hurairah radiallahuanhu berkata: Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah SWT berfirman: Sesiapa yang memusuhi wali-Ku, Aku isytiharkan perang ke atasnya. Tiada amalan untuk mendekatkan diri kepada-Ku yang lebih Aku sukai selain daripada amalan yang Aku fardukan. Hamba-Ku yang mendekatkan diri kepada-Ku dengan sentiasa melakukan amalan sunat (di samping amalan-amalan wajib) Aku lebih mengasihinya ...**

**(i) Siapakah yang dimaksudkan wali Allah SWT (وَلِيًّا)? [2 *markah*]**

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***

i) wali Allah ialah hamba Allah yang sentiasa menaati dan mentaati perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya serta sentiasa beristiqamah, khusyuk dan tawadduk dalam melakukan ibadah kepada Allah.

Calon mengemukakan jawapan dengan huraian yang jelas dan mantap . Ini membuktikan calon menguasai isi pelajaran Hadis Orang Beriman Kekasih Allah . Calon jelas dengan konsep maksud yang digabungkan dengan kata tugas "siapakah" dalam soalan di atas. Justeru olahan dan persembahannya kemas dan tersusun serta mudah dan menarik untuk dibaca.

***Contoh Jawapan Yang Sederhana***

***Contoh 1 :***


b i) Maksud Wali Allah ialah orang yang mendekatkan diri kepada Allah dan sentiasa melakukan amalan sunat.

P4 ½

***Contoh 2 :***


b) i- Dimaksudkan wali Allah s.w.t ialah orang yang dipilih dan terpilih oleh Allah s.w.t untuk menyebarkan islam kepada hambanya yang lain kerana wali Allah ini ialah orang yang sentiasa melakukan ibadat wajib dan ibadat sunat.

P4 1/2

Respons calon dalam kumpulan ini menunjukkan sedikit kekeliruan dengan konsep maksud dalam soalan di atas. Justeru olahan dan persembahannya mengikut rekaan sendiri yang difikirkan munasabah. Namun begitu sebahagian huraiannya hampir menepati kehendak dan tugasan soalan. Ini membuktikan calon kurang menguasai isi pelajaran berkaitan Hadis Orang Beriman Kekasih Allah.

***Contoh Jawapan Yang Lemah***

***Contoh 1 :***


i sapakah yang dimaksud dengan wali Allah
- kekasih Allah s.w.t

0/2

***Contoh 2 :***


(b)
i) Maksud wali Allah SWT ialah
- orang diberi keistimewaan oleh Allah S.W.T kepadanya untuk membantu manusia seperti karamah

0/2

Calon dalam kumpulan ini mengemukakan respons yang disusun atur mengikut kefahaman sendiri merujuk kepada beberapa istilah dalam komponen keistimewaan insan yang diberikan Allah seperti "karamah", "mukjizat" dan "maksum". Persembahan respons sebegini menggambarkan calon sebenarnya tidak menguasai beberapa tajuk berkaitan yang mengakibatkan kekeliruan yang berterusan. Justeru olahan dan persembahannya mengikut rekaan sendiri yang difikirkan munasabah tanpa merujuk kepada kefahaman Hadis Orang Beriman Kekasih Allah tetapi hakikatnya tersasar .

## SOALAN 2(b)(ii)


(ii) Nyatakan dua amalan sunat yang dimaksudkan dalam hadis.

[2 *markah*]

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***


ii) Amalan sunat.
- Solat sunat
- berzikir
- bersedekah
- bersifat mahmudah. (2m)

***Contoh 2:***


(ii) Ibadat yang dilakukan semasa qiamullail
- Sembahyang sunat hajat
- Sembahyang sunat tahajjud
- Sembahyang sunat taubat
- Membaca al-Quran
- ~~Bersta~~ Bertasbih
- Berzikir

Calon cemerlang dapat memberi jawapan yang betul dan menepati kehendak soalan berkaitan ibadat semasa qiamullail dengan huraian yang mantap dan kemas. Alternatif jawapan yang dikemukakan melebihi daripada tugasan yang diminta dalam soalan dan disusun dengan kemas serta rapi . Ini membuktikan calon menguasai isi pelajaran dan memahami intisari hadis di atas "Orang Beriman Kekasih Allah" dengan baik.

***Contoh Jawapan Yang Sederhana***

***Contoh 1 :***


iii Qiamulail ialah bangun pada waktu malam untuk melakukan ibadat.
Nyatakan dua jenis ibadat semasa qiamullai.
- mintak pertolongan daripada Allah.
- Untuk mendapat pahala yang berlipat kali ganda.
- Disayangi oleh Allah SWT.

***Contoh 2 :***


ii - mengeluarkan zakat
- solat-solat sunat
1/2

Calon sederhana menjawab berdasarkan pemahaman mereka sendiri. Namun begitu persembahan mereka kurang menarik dengan sebahagian calon memulakan jawapan tanpa muqaddimah dan olahannya pula terhad. Ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran berkaitan hadis Orang Beriman Kekasih Allah.

***<u>Contoh Jawapan Yang Lemah</u>***

***Contoh 1 :***


iii dua jenis ibadat semasa qiamullail ialah
0/2

***Contoh 2 :***


ii) - Melakukan ibadat-ibadat wajib
- membuat kebaikan
- menderma
0/2

Calon lemah memberikan jawapan yang terhad dan terikat pada terjemahan petikan hadis dalam soalan sahaja. Jawapan calon tidak menepati isi pelajaran berkaitan hadis kefahaman (Orang beriman Kekasih Allah) dengan baik. Kegagalan calon menguasai isi pelajaran mengakibatkan mereka gagal memahami kehendak soalan. Terdapat sebahagian calon yang lain hanya menyalin soalan.

## SOALAN 2(b)(iii)

| | |
|---|---|
| (iii) | **Terangkan dua pengajaran hadis yang dapat anda amalkan dalam kehidupan seharian. [4 *markah*]** |

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***

(iii) Pengajaran hadis yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.

- Kita perlulah melazimi ibadat-ibadat sunat untuk memperolehi kemanisan iman dan mendekatkan diri kepada Allah.
- Sentiasa beriman dengan Allah dan mentaati ~~ajar~~ serta memuliakan para wali Allah
- Allah akan memberi balasan kepada orang melakukan kesalahan, sama ada kesalahan tersebut secara sembunyi-sembunyian atau terang-terangan.
- ~~Orang yg~~ Berusaha utk menjadi orang yang bertakwa dan beriman dengan melaksana perintah Allah.
- Allah amat mengasihi hamba-Nya yg rajin dalam melakukan ibadah

4/4

***Contoh 2:***

(iii) Pengajaran hadis (uni)

1- Kita hendaklah memperbanyakkan amalan-amalan sunat dalam kehidupan seharian ~~th~~ terutamanya pada waktu 1/3 malam terakhir.

2- Kita tidak seharusnya memusuhi wali-wali Allah.

3- Kita hendaklah menunaikan amalan-amalan fardu agar dikasihi oleh Allah S.W.T

4/4

Respons daripada calon dalam kumpulan ini menggambarkan mereka faham dengan jelas tugasan soalan yang meminta pengajaran hadis. Calon menguasai konsep pengajaran yang merupakan perbuatan yang perlu diamalkan atau dijauhi merujuk kepada kefahaman hadis Orang Beriman kekasih Allah . Justeru calon tidak mempunyai masalah untuk mengemukakan jawapan yang tepat, padat dan mantap sebagaimana yang dikehendaki soalan malahan berjaya mengemukakan isi jawapan dengan olahan ayat yang baik, kemas dan jelas serta mudah difahami.

***Contoh Jawapan Yang Sederhaha***

***Contoh 1;***



iii) Dua pengajaran hadis yang dapat saya amalkan dalam kehidupan seharian ialah
- kita hendaklah mengasihi wali Allah
- kita mestilah memperbanyakkan amalan-amalan sunat agar dikasihi Allah s.w.t

3/4

***Contoh 2:***



iii) Dua pengajaran hadis yang dapat saya amalkan dalam kehidupan seharian ial...
- sentiasa mengingati allah dimana berada.
- sentiasa melakukan ibadah-ibadah sunat.
- Tidak meninggalkan ibadah wajib seperti solat lima waktu se...
- mengikuti sunnah nabi.
- sentiasa bertawakal dan berdoa kepada allah.
- membaca al-Quran dan bertaubat.

Umumnya respons daripada calon dalam kumpulan ini menggambarkan mereka sedikit keliru dengan tugasan soalan. Calon kesamaran dengan konsep pengajaran yang sepatutnya mengandungi subjek dan predikat (ayat yang lengkap) serta menggambarkan proses pengamalan dalam kehidupan. Justeru calon mengemukakan alternatif jawapan dalam bentuk pernyataan sahaja, sementara sebahagian yang lain pula membina ayat yang tidak lengkap.

***Contoh Jawapan Yang Lemah***

***Contoh 1 :***



iii) Dua pengajaran hadis yang dapat saya amalkan dalam kehidupan harian seharian ialah
- sentiasa melakukan solat-solat sunat
- sentiasa meminta pertolongan daripada Allah
- Janganlah kita bersikap takbur dan riak.

1/4

***Contoh 2 :***



- Bersembahyang lima waktu sehari
- Membaca al Quran pada waktu malam
- Sentiasa bersedekah

0/4

Calon dalam kumpulan ini keliru dengan tugasan soalan . Calon tidak menguasai konsep pengajaran yang sepatutnya mengandungi subjek dan predikat untuk menggambarkan proses pengamalan dalam kehidupan. Justeru calon mengemukakan jawapan yang tersasar daripada tugasan soalan.

**SOALAN 2(c)**

(c) Susun semula ayat al-Quran berikut mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Anda dikehendak menulis nombor sahaja mengikut susunan ayat yang betul.

| | |
|---|---|
| لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ | 1 |
| لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ | 2 |
| وَتِلْكَ ٱلْأَمْثَٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ | 3 |
| لَّرَأَيْتَهُۥ خَٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ | 4 |

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1 :***



***Contoh 2 :***



Calon ini dapat menyusun ayat dengan betul dan sempurna. Ini kerana calon mempunyai kemahiran menghafaz dan menguasai ayat hafazan Surah al-Hasyr : 21 dengan baik. Ianya ditulis mengikut teknik yang betul dan disusun dengan kemas.

## ***Contoh Jawapan Yang Sederhana***

***Contoh 1 :***



***Contoh 2 :***



Calon sederhana melakukan kesilapan dalam menyusun ayat hafazan. Sebahagian calon menyusun ayat mengikut tekaan. Ini menunjukkan calon kurang menguasai kemahiran menghafaz ayat hafazan surah al-Hasyr : 21. Justeru calon gagal mengemukakan jawapan yang tepat.

## ***Contoh Jawapan Yang Lemah***

***Contoh 1 :***



***Contoh 2 :***



***Contoh 3 :***



Calon lemah tidak dapat menyusun potongan ayat dengan tepat dan betul. Ini disebabkan oleh kegagalan calon menguasai ayat hafazan surah al-Hasyr : 21. Kegagalan menguasai kemahiran menghafaz ayat tersebut menyebabkan mereka gagal menjawab dengan betul sebaliknya hanya meneka sahaja.

## SOALAN 3

## SOALAN 3(a)(i)

(*a*) **Firman Allah SWT:**

قُلْ لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَـٰرِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ۚ
ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

(سورة النور: 30)

**Ayat di atas menjelaskan perintah Allah SWT supaya mengawal pandangan mata dan memelihara maruah.**

**(i) Siapakah yang dimaksudkan oleh Allah SWT supaya mengawal pandangan mata dan memelihara maruah?** [2 *markah*]

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1 :***

i) islam mukmin

***Contoh 2 :***

3. a)(i) :- orang mukmin dan muslimin / orang islam

Jawapan calon jelas dan bertepatan dengan istilah yang menepati kefahaman ayat surah an-Nur 30. Jawapan ditulis dengan teratur dan kemas. Ini membuktikan calon menguasai isi pelajaran dan memahami kehendak soalan " siapakah yang dimaksudkan oleh Allah SWT supaya mengawal pandangan mata dan memelihara maruah ? " dalam ayat di atas.

**_Contoh Jawapan Yang Sederhana_**

***Contoh 1 :***


a) i) orang mukmin (2m)

***Contoh 2 :***


Umat manusia @ umat islam @ umat nabi muhammad s.aw

Calon sederhana mengemukakan beberapa alternatif jawapan tetapi tidak berkaitan dengan kehendak dan tugasan soalan. Ini mungkin disebabkan calon kurang menguasai isi pelajaran Ayat Kefahaman surah an-Nur 30. Kegagalan calon menguasai isi menyebabkan jawapannya tersasar daripada kehendak soalan.

**_Contoh Jawapan Yang Lemah_**

***Contoh 1 :***


i mereka yang dimaksudkan oleh Allah SWT supaya mengawal
pandangan mata dan memelihara maruah islam ... dan

***Contoh 2 :***


3(a)i) Mengawal pandangan mata yang di maksudkan bagi lelaki
perempuan, memelihara mahruah bagi perempuan. (2

Calon lemah mengemukakan jawapan yang langsung tidak menepati kehendak soalan. Soalan meminta "siapakah yang dimaksudkan oleh Allah SWT supaya mengawal pandangan mata dan memelihara maruah?" tetapi calon menghuraikan jawapan secara umum mengikut pengetahuan sendiri bukannya berpandukan ayat kefahaman an-nur 30. Ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran dengan baik.

## SOALAN 3(a)(ii)

| | | |
|---|---|---|
| **(ii)** | **Nyatakan dua cara mengawal pandangan mata.** | **[2 *markah*]** |

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1 :***

ii) cara mengawal pandangan mata
- menundukkan pandangan apabila bercakap dengan orang yang berlainan jantina
- tidak memandang perkara yang tidak berfaedah
- elakkan pergi ke tempat-tempat maksiat. (2m)

***Contoh 2 :***

(ii) - Tidak memandang aurat bukan muhrim.
- Tidak melihat VCD lucah.
- Tidak pergi ke tempat - tempat maksiat.

Calon cemerlang menjawab soalan ini dengan tepat mengikut kehendak soalan malahan mengemukakan pilihan jawapan yang banyak. Ini membuktikan calon menguasai isi pelajaran dengan baik sehingga dapat menghuraikan cara-cara mengawal pandangan mata dengan lengkap dan terperinci serta ditulis dengan kemas berpandukan kefahaman surah an-Nur 30 .

***Contoh Jawapan Yang Sederhana***

***Contoh 1 :***

ii) Dua cara mengawal pandangan mata ialah :-
- Dengan tidak memandang akan benda-benda yang tidak elok-elok.
- Dengan mengucap "lahaulawalakuwatailla billahil azim" supaya Allah s.w.t akan memberi petunjuk

(2 markah)

**Contoh 2 :**


3 a(i). Sering melihat perkara-perkara yang elok-elok.
Haruslah sentiasa membaca al-quran.

Calon sederhana mengemukakan pilihan jawapan dengan huraian yang memerlukan tafsiran pemeriksa. Huraiannya bercampur antara perbuatan dengan perkataan sedangkan cara-cara mengawal pandangan mata yang dimaksudkan dalam soalan di atas merujuk kepada tindakan atau perbuatan. Justeru olahan isi jawapan sedikit kabur namun masih dapat difahami dan hampir menepati kehendak soalan.

***<u>Contoh Jawapan Yang Lemah</u>***

**Contoh 1 :**


1. Sentiasa berfikiran positif
2. Banyak membuat ibadat

**Contoh 2:**


ii - sentiasa sebut nama Allah SWT
- sentiasa berselawat
- sentiasa melihat pandangan yang baik.
- sentiasa berdoa supaya di jauhkan pan...
yang haram.

Calon lemah mengemukakan pilihan jawapan yang menyalahi fakta . Ini menunjukkan calon tidak memahami kehendak soalan. Justeru calon menulis mengikut gerak hati .Ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran berdasarkan ayat kefahaman surah an-Nur : 30.

## SOALAN 3(a)(iii)

| | | |
|---|---|---|
| (iii) | Terangkan dua usaha untuk menjaga batas pergaulan di kalangan ahli keluarga. | [4 *markah*] |

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1 :***

iii) usaha untuk menjaga batas pergaulan di kalangan ahli keluarga:
- ~~tidak~~ sentiasa memakai pakaian yang sopan
- menutup aurat di depan saudara ipar
- mengasingkan tempat tidur anak perempuan dan anak lelaki
- menjaga aurat antara satu sama lain. (4m)

***Contoh 2 :***

(iii) - Memakai pakaian yang menutup aurat
- Tidak menonton atau melihat video lucah.
- Ibu menasihati anak perempuan agar menjaga kelakuan d ahli keluarga lelaki walaupun muhrimnya.

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan mengikut kehendak dan tugasan soalan serta menepati isi pelajaran. Respons yang diberi berkaitan usaha bagi menjaga batas pergaulan berpandukan kefahaman Surah an-Nur : 30 .Ini menunjukkan calon memiliki pengetahuan am yang baik. Situasi ini memudahkan calon mengemukakan alternatif jawapan dengan tepat dan betul.

## Contoh Jawapan Yang Sederhana

**Contoh 1 :**



**Contoh 2 :**


(iii) Dua usaha menjaga batas pergaulan :-
- memakai pakaian yang menutup aurat
- memakai pakaian yang tidak menampakkan bentuk badan

Umumnya calon sederhana mengemukakan idea dengan pelbagai altematif jawapan yang lebih namun sebahagian pilihan jawapan tidak menepati kehendak tugasan soalan . Ini menunjukkan calon tidak memiliki pengetahuan am yang baik dan kurang jelas dengan tugasan soalan berkaitan usaha menjaga batas pergaulan merujuk kepada kefahaman Surah an-Nur ayat 30.

## Contoh jawapan yang lemah

**Contoh 1:**


(iii) Sentiasa mengeratkan silaturrahim antara keluarga.
Sentiasa melakukan apa jua yang disuruh

Jawapan calon tersasar daripada kehendak dan tugasan soalan. Soalan meminta usaha menjaga batas pergaulan tetapi calon mengemukakan fakta berkaitan hubungan antara ahli keluarga. Ini menunjukkan calon tidak memahami kehendak soalan dan gagal menguasai konsep usaha, yang memerlukan kosa kata perbuatan pada setiap permulaan respons.

## SOALAN 3(b)(i)

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِاللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَخَذَ رَسُولُ اللهِ ﷺ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلاَ تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلاَ تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

(رواه البخاري)

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Umar radiallahuanhu berkata: Rasulullah SAW memegang bahuku seraya bersabda: Jadikanlah diri kamu di atas dunia ini sebagai seorang perantau atau pengembara. Ibnu Umar berkata: Apabila kamu berada pada waktu petang, janganlah tunggu menjelangnya waktu pagi. Apabila kamu berada pada waktu pagi, janganlah tunggu menjelangnya waktu petang. Gunakan peluang untuk beramal semasa kamu sihat untuk persediaan ketika kamu sakit dan semasa kamu hidup untuk persediaan matimu.

Berdasarkan hadis di atas;

(i) Nyatakan **dua** amalan yang sewajarnya dilakukan semasa sihat.

[2 *markah*]

### *Contoh Jawapan Yang Baik*

**Contoh 1:**

i) Dua amalan yang sewajarnya dilakukan semasa sihat ialah :

- sentiasa mengingati Allah dalam setiap pekerjaan
- melakukan tanggungjawab sebagai seorang hamba Allah seperti beribadat kepada Allah
- melakukan pekerjaan yang halal
- melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan teratur.
- menjaga hubungan dengan masyarakat

2/2

**Contoh 2:**


b) i) → amalan sewajarnya dilakukan semasa sihat: 2m
- Bersolat.
- Berpuasa.
- Bersedekah.
- Melakukan amalan-amalan yang diperintah.

Calon cemerlang dapat menghuraikan amalan semasa sihat dengan tepat dan membina olahan ayat yang mantap serta kemas mengikut kehendak dan tugasan soalan. Ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran dengan lengkap mencakupi huraian hadis (Hidup di dunia ibarat perantau)dengan baik.

***Contoh Jawapan Yang Sederhana***

***Contoh 1:***


b) i) amalan yang sewajarnya dilakukan semasa sihat
- memperbanyakkan amal ibadah
- melengkapkan diri dengan bekalan akhirat yang ~~seper~~ mencukupi
- menghindari maksiat
- tidak menangguhkan kerja. (2m)

1/2

***Contoh 2:***


b) - beribadat kepada Allah untuk bekalan akhirat
- sentiasa memikirkan kematian agar ibadat bertambah khusyuk
- tidak membuang masa sewenang-wenangnya.
- Merancang masa hadapan dan wawasan hidup

1/2

Calon sederhana dapat menghuraikan amalan semasa sihat secara ringkas dengan olahan sendiri secara umum.Pilihan jawapan yang diberi sebanagiannya menepati kehendak soalan sementara sebahagian yang lain tersasar. Situasi ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran berkaitan hadis (Hidup di dunia ibarat perantau).

***Contoh Jawapan Yang Lemah***

***Contoh 1:***


b) i) dua amalan yang sewajar dilakukan (2m)
- sentiasa beribadat kepada allah.
- sentiasa beriman kepada allah.
- Sentiasa ~~ma~~ berbuat baik kepada setiap umat.

0/2

**Contoh 2:**


(b) Bersyukur melakukan suruhan Allah

Calon lemah tidak dapat menghuraikan jawapan dengan betul, namun cuba membuat olahan sendiri tetapi menyeleweng. Sehubungan itu jawapan calon menyimpang daripada kehendak soalan. Ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran hadis (Hidup di dunia ibarat seorang perantau).

## SOALAN 3(b)(ii)

(ii) Nyatakan dua cara pelajar menguruskan masa dengan bijak. [2 markah]

***Contoh Jawapan Yang Baik***

**Contoh 1:**



**Contoh 2:**


(ii) Cara pelajar menguruskan masa dengan bijak ialah
i - Menyediakan jadual tugasan harian.
ii - Tidak membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah seperti melepak
iii - Melakukan kerja dengan teratur

Calon cemerlang memahami kehendak soalan berdasarkan petikan hadis yang diberikan. Oleh itu, calon dapat menghuraikan cara mengurus masa yang dikehendaki dengan baik dan tepat. Ini membuktikan calon menguasai kefahaman hadis di atas dengan baik.

**_Contoh Jawapan Yang Sederhana_**

***Contoh 1:***


- Bijak mengunakan masa
- Merancang wawasan hidup
- Menyegerakan segala kerja

***Contoh 2:***


ii) 1. menepati
2. Mengikut jadual waktu
3. mengisi masa yang berfaedah
4. tidak membuang masa

Calon sederhana agak keliru dalam memahami kehendak soalan berdasarkan petikan hadis yang diberikan. Oleh itu, calon menghuraikan cara-cara mengurus masa secara berulang. Ini membuktikan calon kurang jelas dengan kehendak dan tugasan soalan yang diberikan. Situasi ini menunjukkan calon kurang menguasai isi hadis di atas.

**_Contoh jawapan yang lemah_**

***Contoh 1:***


ii) Dua cara pelajar menguruskan masa dengan
bijak ialah (2M)
- tidak melepak
- tidak membuang masa dengan benda-benda yang
tidak mendatangkan sebarang manfaat.

Calon lemah tidak dapat mengemukakan jawapan dengan betul. Calon mengemukakan respons berkaitan contoh bukannya menjelaskan cara pengurusan masa. Ini menunjukkan calon keliru mengenai konsep contoh dan cara sekaligus tidak menguasai kefahaman hadis di atas.

## SOALAN 3(b)(iii)

| |
|---|
| (iii) Terangkan kebaikan menguruskan masa dengan bijak. [4 *markah*] |

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***

(b) (iii) Kebaikan mengurus masa dengan bijak.
- ~~Ker~~ Pekerjaan dapat disiapkan dengan cepat.
- dapat memupuk sifat berdisiplin dengan mematuhi masa.
- ~~menjadikan diri~~ disayangi Allah SWT.
- hati tenang kerana dapat urus masa dengan baik.

4/4

***Contoh 2:***

iii) (1) hati tenteram apabila kerja rumah sudah disiapkan
(2) disayangi guru, ibu bapa dan masyarakat kerana tidak membuang masa.

Calon cemerlang mengemukakan pilihan jawapan yang banyak berkaitan kebaikan menguruskan masa . Isi jawapan ditulis dengan huraian yang mantap dan tersusun serta kemas. Pilihan jawapan calon menepati kehendak soalan yang merujuk kepada amalan mendekatkan diri kepada Allah. Ini membuktikan calon menguasai isi pelajaran dengan baik.

***Contoh Jawapan Yang Sederhana***

***Contoh 1***

iii) kebaikan mengurus masa dengan bijak
- kerja dapat disiapkan dengan segera
- kualiti yang kerja yang dihasilkan lebih baik
- meningkatkan mutu kerja
- memberi keuntungan kepada syarikat.
- lebih banyak kerja yang dapat disiapkan.
- disayangi majikan. (4m)

2/4

***Contoh 2:***

B-iii. Tidak menjadi kelam kabut.
Perasaan berada di dalam keadaan tenang.
Dapat melakukan sesuatu dengan baik.

Calon dalam kumpulan ini telah memberi alternatif jawapan yang banyak mengenai kebaikan mengurus masa tetapi ideanya berulang. Ini membuktikan calon keliru dengan konsep hikmah (kebaikan). Keadaan ini kerana calon tidak menguasai isi pelajaran dengan baik.

***Contoh Jawapan Yang Lemah***

***Contoh 1:***

ii - Kebaikan menguruskan masa dengan bijak ialah
- tidak membazirkan masa.
- dapat menimba ilmu dengan banyak.
- mendapat keredhaan Allah S.W.T.

***Contoh 2:***

(ii) Kebaikan menguruskan masa dengan bijak dapat melatih seseorang membuat masa dengan bijak dengan membuat jadual tugasan dan membahagikan masa-masa tersebut dengan bijak untuk membuat aktiviti mahupun tugasan harian.

Calon lemah hanya memberi jawapan dengan meneka kerana keliru dengan kehendak soalan. Kekeliruan ini mungkin disebabkan mereka tidak menguasai isi pelajaran dengan baik. Calon keliru antara konsep hikmah pengurusan dan cara pengurusan masa. Akibat tidak menguasai konsep ini calon telah mengemukakan jawapan yang tersasar dengan kehendak soalan.

## SOALAN 3(c)

(c) Susun semula potongan ayat al-Quran di bawah mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor sahaja mengikut susunan ayat yang betul.

| | |
|---|---|
| إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ | 1 |
| فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ | 2 |
| وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ | 3 |
| أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ | 4 |

(سورة المؤمنون: 5-7)

[4 *markah*]

## Contoh Jawapan Yang Baik

**Contoh 1:**



Calon cemerlang dapat menyusun jawapan dengan betul dan tepat . Jawapan calon menepati dengan kehendak soalan. Respons sebegini menunjukkan calon dapat menguasai kemahiran hafazan surah al-Mukminun 5 -7 dengan baik. Ianya ditulis mengikut teknik yang betul dan disusun dengan kemas dan rapi.

## Contoh Jawapan Yang Sederhana

**Contoh 1:**



**Contoh 2:**



Calon sederhana melakukan kesilapan dalam menyusun potongan ayat. Sebahagian calon menyusun ayat mengikut tekaan. Ini menunjukkan calon kurang menguasai kemahiran ayat hafazan Surah al-Mukminun: 5-7. Justeru calon gagal mengemukakan jawapan dengan tepat.

## Contoh Jawapan Yang Lemah

**Contoh 1:**



**Contoh 2:**




Calon lemah tidak dapat menyusun potongan ayat dengan betul dan tepat . Ini kerana calon gagal menguasai ayat hafazan surah al-Mukminun ayat 5-7. Kegagalan menguasai kemahiran menghafaz ayat di atas menyebabkan mereka gagal menjawab dengan betul sebaliknya hanya meneka sahaja.

## SOALAN 4

### SOALAN 4(a)(i)

(*a*) **Firman Allah SWT:**

وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَىَّ لَا تُشْرِكْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

(سورة لقمن: 13)

**Ayat di atas menjelaskan tentang larangan melakukan perbuatan syirik.**

**(i) Apakah yang dimaksudkan dengan syirik?** **[2 *markah*]**

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***

a) i) Syirik ialah perbuatan menyekutukan Allah dengan menyamakan-Nya dari segi zat, sifat serta afal-Nya.

2/2

***Contoh 2 :***

a) i. Syirik ialah perbuatan menyamakan atau menyekutukan allah S.W.T dengan perkara lain.

2

Persembahan calon dalam kumpulan ini menggambarkan mereka memahami maksud soalan dengan jelas calon dapat menghuraikan maksud syirik dengan tepat dengan membina olahan ayat yang kemas serta mudah dibaca . Ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran dengan baik mencakupi konsep maksud dan isi-isi utama dalam ayat kefahaman (Surah Luqman: 13)

***Contoh Jawapan Yang Sederhana***

**Contoh 1**

9) i) syirik ialah perkara yang mengsekutukan Allah de
benda-benda ~~yang~~ lain.

**Contoh 2**

4a:
i- Syirik ialah perbuatan yang boleh mengsekutui Allah

***Contoh 3:***

9) i) Dimaksudkan dengan syirik ialah telah (mengeluarkan allah) dan telah keluar dari agama islam dan perkara membatalkan iman.

Calon dalam kumpulan ini pula agak keliru antara maksud syirik dan murtad dalam tajuk membatalkan iman. Justeru jawapan yang dikemukakan bercampur aduk antara keduanya yang memerlukan pengamatan pemeriksa. Ini menunjukkan calon tidak menguasai tajuk perkara yang membatalkan iman dengan baik.

***Contoh Jawapan Yang Lemah***

**Contoh 1**

4.a.i. Maksud syirik ialah :-
mengatakan bahawa dia adalah umat Islam tetapi dia tidak mengamalkan ajaran Islam.

**Contoh 2**

4 a i: Maksud syirik ialah.
→ syirik ialah berzina dengan perempuan atau lelaki yang belum berkahwin.

***Contoh 3:***


(a)(i) Syirik bermaksud mempercayai perkara-perkara yang tahyul.

Calon dalam kumpulan lemah langsung tidak menguasai tajuk perkara yang membatalkan iman yang menyebabkan mereka keliru antara syirik , khurafat dan lain-lain. Mereka juga keliru

antara konsep maksud dan contoh. Justeru sebahagian besar calon kumpulan ini mengemukakan pelbagai respons seperti maksud, kesan dan contoh secara umum tetapi jawapan itu tidak menepati tugasan soalan. Ini membuktikan calon tidak menguasai konsep-konsep asas dalam komponen isi pelajaran.

**<u>SOALAN 4(a)(ii)</u>**

| | | |
|---|---|---|
| **(ii)** | **Senaraikan empat contoh perbuatan syirik.** | **[4 *markah*]** |

***<u>Contoh Jawapan Yang Baik</u>***


(ii) - menyembah berhala
- tilik nasib
- Menyembah pokok
- bertapa di kubur untuk dapat nombor ekor.

Calon berjaya menjawab soalan dengan betul dan menepati kehendak soalan. Idea yang dipersembahkan disusun dengan teratur dan kemas serta mudah untuk dibaca. Sebahagian calon kumpulan ini mengemukakan alternatif jawapan yang melebihi tugasan soalan. Ini jelas menunjukkan calon menguasai isi pelajaran serta konsep contoh dengan baik dan mantap.

***<u>Contoh Jawapan Yang Sederhana</u>***

***Contoh 1:***


(ii) (a) percaya kepada ilmu hitam.
(b) percaya bahawa melakukan sesuatu kepada seseorang dengan bantuan jin.
(c) mempercayai tentang kewujudan jin dan Syaitan.
(d) Menyembah tempat yang dikatakan seret boleh membawa tuah.

**Contoh 2 :**


4 (a) (ii) : Empat contoh perbuatan syirik

(1) mengikut ajaran khurafat.

(2) menyembah patung

(3) Percaya memecahkan kelapa dapat menolak bala.

(4) ~~membuat~~ membunuh diri

1/2

Respons yang dipersembahkan oleh calon dalam kumpulan ini menggambarkan kekeliruan pemahaman calon dengan kehendak soalan iaitu konsep contoh syirik khurafat serta tajuk membatalkan iman dalam kurikulum. Justeru jawapan yang dikemukakan bercampur aduk antara pelbagai tajuk tersebut. Ini menunjukkan calon tidak menguasai tajuk perkara membatalkan iman dengan baik.

**_Contoh Jawapan Yang Lemah_**

**_Contoh 1:_**


(i) ~~mengikut agama lain~~ Suka mendengar kata-kata yang ~~tidak~~ logik

• ~~Memakan makanan yang diharamkan islam~~ tengok cerita yang bukan

× bukan.

• Percaya kan bomoh

• Percayakan pada benda-benda karut

0/4

**_Contoh 2:_**


ii) Empat contoh perbuatan syirik salah

• mendapatkan allah swt

• Ikut dan membuat ajaran sesat

• keluar dari agama islam

• Mengubah cara islam

0/4

**_Contoh 3:_**



(ii) - Menyukutukan Allah.

- Tidak melakukan amalan wajib.

- Santiasa melakukan dosa.

- Santiasa melakukan kemungkaran.

0/4

Calon-calon dalam kumpulan lemah jelas tidak memahami konsep contoh. Mereka keliru antara konsep contoh dengan maksud atau pengertian. Sebahagian besar calon mengemukakan respons pelbagai seperti maksud, kesan dan contoh secara umum mengikut pemahaman mereka tetapi jawapan itu tidak menepati tugasan soalan. Ini membuktikan calon tidak menguasai konsep-konsep asas dalam komponen isi pelajaran.

## SOALAN 4(a)(iii)

| | |
|---|---|
| **(iii)** | **Terangkan tiga kesan perbuatan syirik terhadap umat Islam. [6 *markah*]** |

***Contoh Jawapan Yang Baik***

**_Contoh 1:_**



iii. Tiga kesan syirik:

a) Terbatal iman seseorang P1

b) Dimurkai allah s.w.t P7

c) Amalannya tidak diterima allah P11

d) Dibenci masyarakat P2

e) Membazir masa, wang dan tenaga.

f) Hidup dalam kesesatan P1

6/6

**_Contoh 2:_**



iii 3 kesan perbuatan syirik terhadap umat Islam

- hidup tidak tenteram P3
- Di benci oleh Allah P7
- Di laknat oleh Allah P7
- Akan mendapat azab di Akhirat P8.
- Hidup tidak di berkati oleh Allah P7
- Doa tidak di makbulkan. P9

6/6.

Calon dalam kumpulan ini mengemukakan respons yang menepati kehendak soalan serta alternatif yang melebihi tugasan soalan. Kesemua idea disusun kemas dan rapi. Jawapan yang diberikan menggambarkan calon amat memahami konsep kesan perbuatan syirik terhadap umat Islam serta menguasai isi pelajaran dengan baik.

***<u>Contoh Jawapan Yang Sederhana</u>***

***Contoh 1:***



(iii) Tiga kesan perbuatan syirik terhadap umat Islam
(a) Akan mendapat dosa daripada Allah.
(b) Kehidupan tidak akan tenteram.
(c)

4/6

***Contoh 2:***



(iii) 1) menerima hukuman di hari akhirat.
2) rakan-rakan tidak suka akannya.
3) Dia akan menerima padah.

4/6

Sebahagian calon dalam kumpulan ini dapat mengemukakan respons yang menepati kehendak tetapi mereka hanya mempersembahkan idea yang kurang daripada tugasan soalan sebenar. Sebahagian yang lain pula mengemukakan pilihan jawapan yang terhad kepada tugasan yang diminta. Walau bagaimana pun jawapan yang diberikan menggambarkan calon sebenarnya memahami konsep kesan perbuatan syirik terhadap umat Islam dengan agak baik.

***<u>Contoh Jawapan Yang Lemah</u>***

***Contoh 1:***



3 kesan perbuatan syirik terhadap umat Islam :-
Perbuatan syirik akan menyebabkan pecah belah umat Islam.
Perbuatan syirik akan menyebabkan kepupusan umat Islam.
Perbuatan syirik akan menghapuskan agama Islam.

2/6

***Contoh 2:***

**Contoh:**

(iii) Tiga kesan perbuatan syirik terhadap umat Islam ialah:

* Terpengaruh dengan rakan sebaya ✓

* keluar di waktu malam. ✓

* Mudah terpedaya dengan rakan. ✓

Calon dalam kumpulan ini mengemukakan respons yang menggambarkan kekeliruan calon dalam memahami konsep kesan. Ini menyebabkan calon mempersembahkan idea tersasar daripada kehendak soalan. Walau pun terdapat alternatif jawapan yang diberikan tetapi masih tidak menepati konsep kesan perbuatan syirik terhadap umat Islam.

**<u>SOALAN 4(b)</u>**

(*b*) **Tulis semula empat potongan ayat yang mengandungi hukum nun mati atau tanwin dalam petikan ayat al-Quran di bawah selain daripada potongan ayat بُيُوتٍ أَذِنَ. Anda tidak perlu menyatakan hukum tajwidnya.**

فِي بُيُوتٍ أَذِنَ ٱللَّهُ أَن تُرۡفَعَ وَيُذۡكَرَ فِيهَا ٱسۡمُهُۥ يُسَبِّحُ لَهُۥ فِيهَا
بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ ﴿٣٦﴾ رِجَالٞ لَّا تُلۡهِيهِمۡ تِجَٰرَةٞ وَلَا بَيۡعٌ عَن ذِكۡرِ
ٱللَّهِ وَإِقَامِ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ ٱلزَّكَوٰةِ يَخَافُونَ يَوۡمٗا تَتَقَلَّبُ فِيهِ
ٱلۡقُلُوبُ وَٱلۡأَبۡصَٰرُ ﴿٣٧﴾ (سورة النور: 36-37)

**[4 *markah*]**

## Contoh Jawapan Yang Baik

### Contoh 1:



### Contoh 2:



Calon cemerlang dapat memberi respons kepada soalan dengan tepat dan menyalin serta menandakan tanda-tanda hukum tajwid dengan betul. Mereka juga mampu mengemukakan respons melebihi daripada tugasan soalan. Semua jawapan yang dikemukakan menepati hukum tajwid yang diminta. Ini menunjukkan calon menguasai asas-asas hukum tajwid khususnya hukum (nun sakinah atau tanwin) dengan mantap dan cemerlang.

## Contoh Jawapan Yang Sederhana

### Contoh 1:



Calon kumpulan sederhana menunjukkan sedikit kekeliruan dalam penentuan hukum nun sakinah atau tanwin. Justeru respons mereka walau pun melebihi daripada tugasan soalan tetapi sebahagiannya adalah tidak menepati hukum tajwid yang diminta. Ini menunjukkan calon kurang menguasai asas-asas hukum tajwid (nun sakinah atau tanwin, mad dan lain-lain) dengan baik.

**_Contoh Jawapan Yang Lemah_**

***Contoh 1:***



***Contoh 2 :***




Respons calon kumpulan lemah menunjukkan kekeliruan yang jelas dan ketara dalam penentuan hukum tajwid . Justeru sebahagiannya pula hanya menyalin semula soalan yang diberi tanpa memberi jawapan. Ini menunjukkan calon tidak menguasai asas-asas hukum tajwid (nun sakinah, mad dan lain-lain) yang mengakibatkan mereka mengemukakan respons berdasarkan unsur meneka.

## SOALAN 4(c)

(*c*) **Tukarkan petikan berikut ke tulisan rumi.**

ڤد زمان اين ڤروبتن اياله ساتو بيدڠ علمو يڠ ساڠت لواس دان
ڤنتيڠ. ڬرادوان يڠ دحاصيلكن داڤت بربقتي كأره ملاهيركن
مشاركت يڠ صيحت دان سجهترا.

[4 *markah*]

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***

c Pada zaman ini perubatan ~~ialah~~ satu bidang
ilmu yang ~~perlu~~ sangat luas dan penting.
Graduan yang di hasilkan dapat berbakti
kearah melahirkan masyarakat yang sihat
dan sejahtera.

4/4

Sebahagian besar calon memberi persembahan jawapan yang menepati teks soalan yang diberikan. Mereka dapat merumikan teks jawi dengan baik dan ditulis secara tersusun. Ini menunjukkan calon menguasai kemahiran membaca jawi dengan baik .

***Contoh Jawapan Yang Sederhana***

***Contoh 1:***

Contoh:

4c) pada zaman ini perubatan iala satu bidang ilmu yan...
pinting Piraduan yang Hiadatan dabat birbatti

Calon kumpulan ini kurang menguasai kemahiran membaca jawi dengan baik. Calon masih keliru antara kata serapan Arab, imbuhan akhiran 'an' dan lain-lain. Justeru calon hanya menjawab sebahagian soalan sahaja.

***Contoh Jawapan Yang Lemah***

***Contoh 1:***

Contoh:

c. Tukarkan petikan berikut ke tulisan rumi ialah:

Tulis di kedua-dua belah muka surat

Calon kumpulan ini gagal menguasai kemahiran membaca jawi termasuk kemahiran asas seperti padanan huruf, penulisan huruf sambung dan lain-lain. Justeru calon hanya menyalin soalan sahaja .

SOALAN 5

**SOALAN 5(a)(i)**

(*a*) **Firman Allah SWT:**

قُل لَّآ أَقُولُ لَكُمۡ عِندِي خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ وَلَآ
أَقُولُ لَكُمۡ إِنِّي مَلَكٌۖ إِنۡ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّۚ قُلۡ هَلۡ
يَسۡتَوِي ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِيرُۚ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٥٠﴾

(سورة الأنعام: 50)

**Ayat di atas menerangkan hanya Allah SWT mengetahui khazanah-Nya dan rasul berbeza dengan malaikat.**

(i) **Nyatakan dua contoh khazanah Allah SWT.** **[2 *markah*]**

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***

i Contoh khazanah Allah SWT :
- Bumi
- Sungai
- langit
- gunung-ganang
- tanah
- laut

2 2 2

*Contoh 2:*



(a) i) 2 contoh khazanah Allah :-
① sumber galian yang banyak
② minyak-minyak mentah di dasar laut
③ hutan-hutan di gunung-gunung di atas muka bumi-Nya

2/2

*Contoh 3:*



(a) (i) - Alam sekitar
- Lautan
- Sungai
- Tumbuh - tat tumbuhan
- Binatang
- Bintang - bintang
- Matahari
- Langit
- Bumi
- Cakerawala
- Alam semesta.

2/2

Calon cemerlang dapat menjawab dengan tepat sebagaimana kehendak soalan. Fakta yang diberikan melebihi daripada tugasan yang diminta dalam soalan dan semuanya betul dan tepat. Ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran berkaitan ayat kefahaman surah al-An'am ayat 50 dengan baik. Respons ini menggambarkan calon memahami maksud khazanah Allah serta dapat memberikan contoh dengan tepat .

*__Contoh Jawapan Yang Sederhana:__*

*Contoh 1:*



(i) 2 contoh khazanah Allah s.w.t.
- syurga - pokok
- neraka

1/2

*Contoh 2:*



No. soalan: 5
a) i) - Alam semesta - Arash
- Syurga dan neraka

1/2

Calon sederhana dapat memahami kehendak soalan tetapi idea tidak difokuskan kepada kandungan Tilawah Kefahaman ayat 50 surah al-An'am . Justeru sebahagian jawapan yang dikemukakan menyeleweng daripada kehendak dan tugasan. Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi kandungan surah al-An'am ayat 50.

***Contoh Jawapan Yang Lemah***

***Contoh 1:***

a) i) Nyatakan dua contoh khazanah Allah S.W.T.
- Tempat yang dibuang
- Tempat yang tidak didiami

0/2

Calon lemah gagal memberi jawapan mengikut kehendak soalan. Calon tidak menjadikan soalan sebagai rujukan untuk menjawab. Jawapan yang diberikan adalah sebagai rekaan semata-mata tidak ada sebarang perkaitan dengan soalan yang ditanya. Respons yang diberikan juga menunjukkan calon langsung tidak menguasai tajuk pembelajaran iaitu surah al-An'am ayat 50. Justeru persembahan jawapan mereka kabur dan menyeleweng.

**SOALAN 5(a)(ii)**

| | | |
|---|---|---|
| **(ii)** | **Terangkan cara menjaga khazanah Allah SWT.** | **[2 *markah*]** |

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***

ii Cara menjaga khazanah Allah swt :
- menjaga kebersihan sungai dan laut
- memelihara keindahan Alam
- memelihara hutan-hutan simpan
- Tidak mencemarkan alam sekitar

2/2

***Contoh 2:***

ii) - Melakukan kajian untuk mengetahui faedah sesuatu tumbuh-tumbuhan (Menjaganya) (berlandaskan al-Quran dan As-Sunnah)
- Menggunakannya ke arah kebaikan
- Berdoa memohon petunjuknya

2/2

**Contoh 3:**


ii) cara menjaga khazanah Allah
① menggunakan khazanah Allah ~~dengan~~ sebaik-baiknya
② berusaha mencari khazanah Allah yang baru.
1/2

Umumnya calon cemerlang dapat memberi respons yang menepati dengan kehendak dan tugasan soalan berkaitan cara memelihara khazanah yang menepati isi pelajaran berkaitan tajuk tilawah kefahaman surah al-An'am ayat 50 dengan baik. Isinya diolah dan disusun atur dengan betul. Ini menggambarkan calon menguasai isi pelajaran dengan mantap.

***<u>Contoh Jawapan Yang Sederhana</u>***

**Contoh 1:**


(ii) Terangkan cara menjaga khazanah. ialah
~~memen~~ memelihara khazanah yang ~~diberi~~ oleh Allah.
1/2

**Contoh 2:**


ii) - Tidak mencemarkan alam sekitar
- Tidak merosakkan muka ~~mut~~ bumi ini.
- Memelihara alam sekitar
-
1/2

Keseluruhan calon dari kumpulan ini berusaha mengemukakan jawapan tetapi hanya menepati sebahagian isi pelajaran Tilawah Kefahaman al-An'am 50. Calon juga hanya mengemukakan jawapan yang terhad. Situasi ini menunjukkan calon keliru dengan soalan sebelumnya, di mana ceraian (i) dan (ii) saling berkait iaitu contoh khazanah dan cara memelihara khazanah.

***Contoh Jawapan Yang Lemah***

***Contoh 1:***

ii- Cara menjaga khazanah Allah SWT.

- Kita mestilah menjaga khazanah Allah SWT sama seperti diri kita sendiri.

- Allah akan memberikan ganjaran pahala pada sesiapa saja apabila mereka menjaga khazanah Allah. 0/

Respons yang diberi oleh calon kumpulan ini menggambarkan mereka tidak memahami soalan. Soalan ceraian (i) contoh khazanah dan ceraian dan ceraian (ii) cara memelihara khazanah saling berkait, sedangkan calon ini kemungkinan besarnya gagal menjawab ceraian (i) dengan tepat. Justeru ceraian (ii) menambahkan lagi kekeliruan yang berganda. Sehubungan itu calon gagal mengemukakan jawapan yang menepati kehendak soalan. Ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran surah al-An'am 50.

<u>SOALAN 5(a)(iii)</u>

**(iii) Nyatakan dua peranan rasul.** **[2 *markah*]**

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***

iii Peranan-peranan rasul :

- Menyebarkan dakwah Islamiah
- Membentuk umat Islam kearah perpaduan
- Menyampaikan wahyu Allah kepada umat-Nya

2/2

***Contoh 2:***

a) (iii) Peranan rasul :-

- menyampaikan wahyu daripada Allah kepada umat manusia
- menyampaikan berita gembira dan sedih kepada umatnya
- mengajar cara beribadat yang betul.
- menegaskan hukum-hukum agama
- menerangkan dan mengajar hal-hal agama

2/2

Calon kumpulan ini mengemukakan jawapan yang menunjukkan mereka amat memahami kehendak soalan. Alternatif jawapannya melebihi daripada tugasan soalan yang diminta dengan huraian yang mantap dan olahan yang baik. Pernyataan konsep peranan yang memerlukan kata tugas perbuatan pada permulaan idea jelas, tepat dan memenuhi isi pelajaran *Tilawah Kefahaman surah al-An'am 50* dengan baik.

***<u>Contoh Jawapan Yang Sederhana</u>***

***Contoh 1:***




Calon kumpulan ini mengemukakan jawapan yang berulang dan alternatif jawapan yang terhad.. Pernyataan konsep peranan yang memerlukan kata tugas perbuatan pada permulaan idea hampir menepati. Ini menunjukkan calon menguasai sebahagian daripada isi pelajaran Tilawah Kefahaman surah al-Anam ayat 50.

***<u>Contoh Jawapan Yang Lemah</u>***

***Contoh 1:***




Calon lemah memberi jawapan yang salah dan langsung tidak berkait dengan kehendak soalan. Jawapan calon menggambarkan calon tidak memahami konsep peranan dalam soalan di atas.Ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran al-An'am 50 (Rasul Penyampai Wahyu**)**.

## SOALAN 5(a)(iv)

| | | |
|---|---|---|
| **(iv)** | **Jelaskan sebab rasul dipilih daripada kalangan manusia.** | **[2 *markah*]** |

*Contoh Jawapan Yang Baik*

*Contoh 1:*


(iv) sebab rasul dipilih daripada kalangan manusia
- memudahkan urusan penyebaran agama islam

2/2

*Contoh 2:*


iv) - Memudahkan manusia mencontohi Nabi
- Bersesuaian dengan sifat manusia
- Menunjukkan setiap manusia dapat melaksanakan apa yang diperintahkan
- Memudahkan manusia untuk berbicara dengannya.

2/2

Calon kumpulan ini mengemukakan jawapan yang menunjukkan mereka amat memahami kehendak soalan. Alternatif jawapannya melebihi daripada tugasan soalan yang diminta dengan huraian yang mantap dan olahan yang baik. Pernyataan konsep sebab rasul dipilih daripada kalangan manusia yang bertepatan isi pelajaran Tilawah Kefahaman al-An'am 50 dikemukakan dengan baik. Pilihan jawapannya disusun dengan teratur dan kemas.

*Contoh Jawapan Yang Sederhana*

*Contoh 1:*


iv) Sebab rasul dipilih daripada kalangan manusia ialah:
- supaya mudah untuk bergaul dengan masyarakat.
- supaya mudah untuk bekerjasama.
- masyarakat tidak mencemburui ~~rasul~~ darjatnya.

1/2

***Contoh 2:***


(a)(iv) Sebab rasul dipilih daripada kalangan manusia :-
- supaya mudah untuk berkomunikasi
- supaya mudah untuk memberi contoh
- supaya manusia dapat menerima ajaran yang disampaikan

1/2

Calon kumpulan ini mengemukakan jawapan yang hampir menepati kehendak soalan. Pernyataan konsep sebab rasul dipilih daripada kalangan manusia yang bertepatan isi pelajaran Tilawah Kefahaman al-An'am 50 dikemukakan dengan sederhana baik.

***<u>Contoh Jawapan Yang Lemah</u>***

***Contoh 1:***


iv) Jelaskan sebab rasul dipilih daripada kalangan baik.
- kerana rasul adalah umat Islam
- boleh diperintah oleh rasul dan umat Islam
- boleh dipercayai

0/2

Calon kumpulan ini mengemukakan jawapan yang menunjukkan mereka langsung tidak memahami kehendak soalan. Alternatif jawapannya melebihi daripada tugasan soalan tetapi tidak menepati konsep sebab rasul dipilih daripada kalangan manusia. Responsnya menyimpang daripada isi pelajaran Tilawah Kefahaman surah al-An'am 50 .

**SOALAN 5(b)(i,ii,iii)**

| | |
|---|---|
| (*b*) | **Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang berwarna merah.** |
| (i) | عَلَى ٱلضُّعَفَاءِ |
| (ii) | هَٰذِهِۦٓ إِنَّمَا |
| (iii) | هُوَ يَقْبَلُ ٱلتَّوْبَةَ |
| | **[6 *markah*]** |

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***




***Contoh 2:***




Calon cemerlang mempersembahkan jawapan yang betul dan tepat. Calon dapat menjawab soalan dengan betul dan tepat . Jawapan telah ditulis dengan kemas dan disusun dengan teratur. Ini menunjukkan calon menguasai kemahiran tajwid (Hukum mad dan qalqalah) dengan baik dan mantap.

***Contoh Jawapan Yang Sederhana***

***Contoh 1:***



**Contoh 2:**


(b)
(i) مد واجب متصل
(ii) مد جائز منفصل
(iii) قلقله صغرى
4/6

**Contoh 3:**


b) i) Mad wajib
ii) Mad
iii) Qalqalah
2/6

Calon kumpulan sederhana menguasai beberapa kemahiran tajwid dengan agak baik tetapi mereka keliru dalam membezakan jenis-jenis mad yang menyebabkan calon melakukan kesilapan semasa menjawab. Respons yang diberi hanya hukum yang tidak lengkap.

***<u>Contoh Jawapan Yang Lemah</u>***

**Contoh 1:**


b) i) Izhar halki
ii) Izhar halki
iii) Idghram Bilahunnah
0/6

**SOALAN 5(c)**

| | |
|---|---|
| (c) | Tukarkan pernyataan ayat di bawah ke dalam tulisan jawi. |
| (i) | Amalkan berfikir secara kritis dan terbuka. |
| (ii) | Hendaklah sentiasa reda dengan ujian Allah. |
| (iii) | Selalu bertasbih kepada Allah di waktu malam. |
| | [6 *markah*] |

***Contoh Jawapan Yang Baik***

***Contoh 1:***




Calon cemerlang menguasai sepenuhnya kemahiran jawi (kata serapan Arab, Kata pinjaman Inggeris, Hukum 'KAGA' dan Perkataan Tradisi ) dengan baik. Calon dapat menulis semula pernyataan rumi ke dalam tulisan jawi dengan sempurna, kemas, teratur dan menepati kaedah penulisan jawi terkini.

***Contoh Jawapan Yang Sederhana:***

***Contoh 1:***



**Contoh 2:**




Calon sederhana hanya menjawab sebahagian teks rumi dengan betul . Ini menunjukkan calon kurang menguasai kemahiran jawi terutamanya (Katanya serapan Arab, penggunaan titik , imbuhan akhiran 'an' dan penulisan huruf qaf dan kaf) dengan baik . Ini menyebabkan calon melakukan beberapa kesilapan dalam memindahkan tulisan rumi kepada tulisan jawi.

***<u>Contoh Jawapan Yang Lemah:</u>***

**Contoh 1:**




Calon dalam kumpulan ini tidak menguasai kemahiran asas jawi termasuk kaedah penulisannya dan kaedah-kaedah padanan huruf seperti Kata serapan Arab, Kata Pinjaman Inggeris, penggunaan titik, imbuhan akhiran 'an' dan penulisan huruf qaf dan kaf. Justeru calon gagal menulis semula petikan rumi ke dalam tulisan jawi dengan betul. Oleh itu sebahagian calon hanya menyalin semula soalan.

## SARANAN KEPADA CALON

1. Perlu menguasai semua tajuk dalam sukatan pelajaran bagi mengelakkan amalan meramal tajuk-tajuk yang akan keluar dalam peperiksaan.
2. Berusaha menghafaz ayat-ayat hafazan dari awal tahun .
3. Perbanyakkan latih tubi menulis potongan ayat hafazan.
4. Baca dan buat rujukan buku teks serta hafal fakta-fakta dan rumus-rumus penting.
5. Berusaha memahami konsep-konsep asas dalam Tilawah dan Hadis seperti maksud dan kandungan isi-isi utama .
6. Tingkatkan penguasaan kemahiran tajwid dan cara bacaannya dengan membuat latih tubi yang berterusan.
7. Berusaha menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi dengan memperbanyakkan latih tubi .
8. Menguasai istilah-istilah Bahasa Arab yang terdapat dalam buku teks.
9. Berusaha menjawab semua soalan yang diperuntukkan dalam kertas soalan.
10. Memberi isi jawapan yang lebih daripada yang dikehendaki dalam soalan.
11. Gunakan masa yang ada bagi memantapkan jawapan yang sedia ada.
12. Menjawab mengikut teknik menjawab yang betul dan terkini.

## SARANAN KEPADA GURU

1. Gunakan buku teks sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Mengajar mengikut objektif sukatan pelajaran yang terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP).
3. Selesaikan sukatan pelajaran lebih awal.
4. Pastikan semua tajuk dalam sukatan pelajaran dipelajari oleh murid.
5. Pastikan murid dapat membezakan konsep-konsep asas dalam Pendidikan Islam seperti maksud, ciri, contoh, sebab berlaku, sebab larang, hikmah larangan, pengajaran dan lain-lain yang berkaitan dengan baik.
6. Beri pendedahan yang jelas dan tepat tentang istilah-istilah Bahasa Arab yang terdapat di dalam buku teks untuk mengelakkan kekeliruan murid.
7. Lakukan program latihtubi terutamanya soalan pengajaran dan maksud potongan ayat , kemahiran jawi dan tajwid secara berterusan.
8. Menyediakan soalan mengikut JSU dan menanda skrip jawapan murid mengikut kaedah penandaan yang betul.